

Hentikan Ujian Klinikal Produk Kosmetik Terhadap Haiwan



Oleh: Siti Azah Afizah

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 12 Julai 2021

Semua orang suka kelihatan cantik. Salah satu usaha yang dilakukan untuk mencapainya adalah dengan menggunakan produk kosmetik.

Namun, mungkin tidak ramai yang sedar bahawa industri kosmetik telah menggunakan haiwan untuk menguji produk mereka sejak sekian lama.

Kaedah ujian klinikal bahan kosmetik pada haiwan dikategorikan secara berbeza berdasarkan bidang yang digunakan.

Satu bahan baharu dalam produk kosmetik yang digunakan dalam ujian ini boleh menyebabkan kematian sekurang-kurangnya 1,000 ekor haiwan.

Penyokong kaedah ini, seperti British Royal Association, berpendapat bahawa hampir setiap pencapaian ujian bergantung pada penggunaan haiwan dalam beberapa cara.



Gambar Hiasan

Antara haiwan yang dikenal pasti untuk ujian klinikal adalah arnab, monyet, anjing dan beberapa spesies tikus. Bahan kimia akan disapu pada kulit haiwan-haiwan ini dan ada juga yang dititiskan ke dalam mata.

Ada juga yang dipaksa untuk makan atau minum bahan-bahan kimia selama berminggu-minggu atau berbulan-bulan untuk menguji keberkesannya.

Ujian klinikal telah menyebabkan kematian dan kesengsaraan dalam jangka masa yang panjang. Kesan sampingan ujian tersebut boleh menyebabkan buta, kulit berdarah, pendarahan dalaman, kerosakan organ, kecacatan dan kematian.

Lebih menyedihkan, haiwan-haiwan yang menderita kesakitan ini lazimnya tidak diberi bantuan perubatan dan akhirnya dibunuh.

Di Malaysia, undang-undang berkaitan penggunaan haiwan bagi penyelidikan, ujian dan pengajaran berada di bawah Seksyen 26, Akta Kebajikan Haiwan 2015.

Kesatuan Eropah, Australia dan India juga telah melarang penjualan produk kosmetik atau bahan kosmetik yang diuji ke atas haiwan. Malangnya, masih ada undang-undang yang membenarkan perkara ini berlaku.

Contohnya, undang-undang di China mewajibkan ujian ke atas haiwan dilakukan bagi semua produk kosmetik yang diimport sebelum dibenarkan masuk ke pasaran mereka.

Jadi, masih ada syarikat kosmetik yang terkenal seperti L'Oreal, Avon dan Estee Lauder yang menjalankan ujian ke atas haiwan supaya mereka dapat memasarkan produk di China.

Walaupun selalunya label produk-produk ini ada ditulis 'tidak diuji ke atas haiwan', polisi syarikat terbabit juga mungkin mempunyai klausa 'kecuali apabila dikehendaki oleh undang-undang'.

Kita sebagai pengguna sekurang-kurangnya perlu memastikan pembelian produk kosmetik mempunyai label 'bebas kekejaman' yang rasmi sebagai tanda sokongan ke atas usaha menghentikan penganiayaan terhadap haiwan.

Kekejaman terhadap haiwan bukan berlaku dalam industri kosmetik sahaja, malah melibatkan industri-industri lain seperti penyelidikan dan pelancongan.

Tidak dinafikan penyelidikan adalah sangat penting demi kemajuan sains dan teknologi tetapi itu tidak bermakna kita boleh berlaku kejam ke atas haiwan.

Jika ujian sebegini tidak boleh dielakkan, sekurang-kurangnya perlu diminimumkan dan dilakukan secara terkawal.

Kaedah moden yang tidak menggunakan haiwan sebagai bahan uji kaji boleh dijadikan pilihan untuk mengesan sebarang masalah keselamatan produk dan terbukti dapat meramalkan tindak balas manusia dengan lebih baik.

Pengeluar boleh menggunakan kaedah lain untuk memastikan produk mereka selamat. Contohnya, dengan menggunakan teknik ujian 'in vitro' dan simulasi komputer.

Sudah lebih 100 tahun sejak kaedah ujian terhadap haiwan menjadi popular. Banyak organisasi telah menganjurkan kempen kesedaran untuk menghentikan amalan ini di seluruh dunia, termasuk yang dilakukan oleh Humane Society International.

Dokumentari pendek berdurasi 4 minit berjudul 'Save Ralph' yang disiarkan dalam YouTube menceritakan tentang seekor arnab bernama Ralph yang menjadi bahan uji kaji produk kosmetik dan kecantikan.

Rakaman video tersebut menunjukkan tentang nasib haiwan berkenaan di dalam sebuah makmal uji kaji. Kempen kesedaran mendapat sambutan di seluruh dunia dan sehingga kini, video animasi tersebut telah ditonton 13 juta kali.

Pelbagai usaha dan kempen telah dilakukan dan salah satu cara untuk kita menghentikannya adalah dengan berhenti menggunakan atau membeli produk sebegini.

Sayangilah haiwan kerana mereka juga makhluk ciptaan Tuhan seperti kita. Sehubungan itu, masyarakat di negara ini perlu bersama-sama membantu menamatkan kesengsaraan haiwan. Hentikan penggunaan produk kosmetik berasaskan ujian haiwan secara klinikal!